

Khamis – 12 November 2020

Halaman : 5

Giat cari madu tualang demi sara keluarga

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Bagi masyarakat Orang Asli suku kaum Bateq di Kampung Aring 5, Pos Lebir, di sini sudah menjadi rutin mereka menjelajah hutan tebal bagi mencari hasil hutan.

Apabila Covid-19 mula mengancam negara, hasil hutan tersebut semakin sukar dijual, kecuali madu lebah tualang yang terus mendapat sambutan hangat tanpa mengira musim.

Bagaimanapun, bukan calang-calang orang dapat melakukan tugas mengambil hasil hutan itu kerana mereka perlu melawan rasa gayat ketika memanjat pokok tualang berkettinggian sehingga 50 meter.

Seorang penduduk, Harun

Chin, 46, berkata, walaupun terpaksa bergadai nyawa menjalankan pekerjaan itu, dia kuatkan semangat juga demi mencari wang untuk menyara keluarganya.

“Ada yang tidak sanggup memanjat pokok tualang yang tinggi itu kerana batang pokok yang licin dan terpaksa berdepan dengan lebah di dalam pokok.

“Saya bersyukur apabila tidak pernah pulang dengan sia-sia selepas memasuki hutan untuk mencari madu lebah di atas pokok tualang,” katanya yang sudah 20 tahun melakukan kerja tersebut.

Menurutnya, harga madu lebah tualang mahal setimpal dengan usaha untuk mendapatkannya.

“Saya bersama empat rakan

perlu berjalan kaki lebih dua jam untuk ke dalam kawasan hutan.

“Biasanya kami masuk hutan pukul 5 petang dan pulang ke rumah pukul 7 pagi keesokan hari,” katanya sambil menambah mereka pernah mendapat 15 kilogram madu dalam masa sehari.

Menurutnya, harga sekilogram madu itu RM60 bagi botol 10 gram dan sejak kebelakangan ini, dia sering mendapat permintaan pelanggan dari Terengganu.

“Kerja mengambil madu dilakukan empat kali dalam sebulan dan perlu dilakukan ketika cuaca baik dan gelap.

“Bagaimanapun, selepas ini kami mungkin tidak dapat masuk hutan mencari madu kerana musim hujan sudah tiba,” katanya.